



# Musical Instruments Festival

## MIF

# 2003

9-10 Ogos 2003  
10.00 pagi - 10.00 malam  
Balai Seni Lukis Negara,  
Jalan Temerloh, off Jalan Tun Razak  
Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA



Balai Seni Lukis Negara  
National Art Gallery



كلمة  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

## PENGENALAN

"Musical Instruments Festival 2003" dianjurkan oleh Program Muzik, Akademi Seni Kebangsaan dengan kerjasama Balai Seni Lukis Negara, GIM Music Instruments Corporation dan The Guitar Store Sdn. Bhd.

Festival selama 2 hari ini akan memberi tumpuan kepada aktiviti persembahan showcase, bengkel & demonstrasi muzik khususnya alat muzik bertali, pameran alat muzik moden dan tradisional, pertandingan melukis dan pertandingan "The Bunyi Gitar". Festival ini dapat mendekatkan masyarakat dan juga peminat seni muzik dengan kewujudan alat muzik moden, tradisional serta alat muzik versi baru.



## OBJEKTIF

1. Memperkenalkan bentuk pelbagai alat muzik bertali tradisional, moden dan versi baru.
2. Memberi peluang kepada masyarakat terutamanya kepada pemuzik-pemuzik tempatan mengetahui tentang sejarah dan perkembangan pembuatan alat muzik di Malaysia serta mendekati, memahami dan mempelajari kaedah menyelenggara, membaiki dan membuat alat muzik bertali dengan betul.
3. Memberi pendedahan kepada masyarakat kepada warna-warna bunyi muzik yang unik menerusi gabungan elemen-elemen dalam permainan alat muzik tradisional, moden dan versi baru yang boleh mencerminkan identiti muzik Malaysia.

**MAJLIS PERASMIAN**  
9 OGOS 2003

**PENTAS RUANG LEGAR, BALAI SENI LUKIS NEGARA**

- 8.00 malam Ketibaan Tetamu Kehormat dan Para Jemputan
- 8.30 malam Ketibaan YB Dato' Foo Ah Kiaw, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
- 8.35 malam Perasmian MIF 2003 oleh YB Dato' Foo Ah Kiaw, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
- 8.45 malam Lawatan ke sekitar Pameran MIF 2003
- 9.15 malam Jamuan Keraian

**MAJLIS PENUTUP**

10 OGOS 2003

**PENTAS RUANG LEGAR, BALAI SENI LUKIS NEGARA**

- 8.00 malam Ketibaan Tetamu Kehormat dan Para Jemputan
- 8.30 malam Ketibaan YBrs. Puan Noorsiah Sabri, Pengarah Akademi Seni Kebangsaan
- 8.35 malam Ucapan Penutup oleh YBrs. Puan Noorsiah Sabri, Pengarah Akademi Seni Kebangsaan
- 8.45 malam Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang Pertandingan 'The Bunyi Gitar' Pemain Gitar Terbaik, Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Wakil-wakil Syarikat
- 9.00 malam Persembahan oleh Pemenang Pertandingan 'The Bunyi Gitar'
- 9.30 malam Jamuan Penutup

**AKADEMI SENI KEBANGSAAN**

Akademi Seni Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 1994. Pada tahun 1999 Program Muzik ASK telah memperkenalkan kursus teknologi pembuatan alat muzik. Akademi Seni Kebangsaan merupakan sebuah institusi pertama di Malaysia yang menawarkan kursus pembuatan alat muzik. Terdapat 7 orang pelajar berada dalam pengkhususan teknologi pembuatan alat muzik samada alat muzik tradisional ataupun moden. Pada tahun hadapan Akademi Seni Kebangsaan bakal melahirkan 5 orang pelajar muzik yang khusus dalam bidang pembuatan alat muzik.

Akademi Seni Kebangsaan akan mengadakan persembahan oleh Ensemble Muzik Tradisional dan Kumpulan Theta. Kumpulan Theta akan mempersembahkan alat muzik versi baru iaitu sapelele, sapetar, gambus, double bass dan alat muzik perkusi "Cayon".

Ceramah mengenai pembuatan gambus pula akan disampaikan oleh pensyarah ASK Encik Nik Mustapha Nik Salleh dan pembuat gambus dari Johor iaitu Encik Hassan Othman.




**GIM MUSIC & INSTRUMENTS CORPORATION**

Gim Music & Instruments Corporation ditubuhkan oleh pakar pembuatan alat muzik CH Jeffrey Yong pada tahun 1993. Membuat alat muzik yang berkualiti dari kayu kayan Malaysia untuk pasaran luar negara.

CH Jeffrey Yong mempelajari membuat gitar secara sendiri dan gitar beliau telah dimiliki oleh ramai artis luar negara dan artis tempatan. Beliau akan memberi ceramah bertajuk "Teknologi Pembuatan Gitar dari Kayu Kayan Malaysia".

Persembahan akan diwakili oleh Stanley Chin pemain gitar klasik anak kelahiran Kota Kinabalu, Sabah dan juga seorang tenaga pengajar gitar klasik. Beliau akan bermain gitar dari GIM model klasik bernama "Tioman". Demonstrasi gitar bass akan dikendalikan oleh Joseph R. Ernesto pemain bass berasal dari Filipina dan sekarang bertugas dengan Orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Beliau akan memberi bengkel kepada teknik bermain gitar bass. Beliau akan bermain gitar Custom GIM Fretless Bass.



**THE GUITAR STORE (M) SDN. BHD.**

The Guitar Store merupakan sebuah syarikat mempromosi gitar Akustik di Malaysia. Mereka memperkenalkan gitar dalam bentuk pembelajaran dan persembahan. Menganjurkan pertandingan "The Bunyi Gitar". Pertandingan ini terbuka kepada peserta dari Malaysia, Singapura dan Brunei. Pertandingan akhir akan diadakan di The "Bunyi Gitar" Cafe sempena MIF 2003.

Manakala persembahan akan diwakili oleh Amir Yusof, Roger Wang & Friends dan Kumpulan Double Jake oleh Mia Palencia & Roger Wang.

**CARISMEN DOLCE (M) SDN. BHD.**

Carimen Dolce merupakan syarikat penjualan alat muzik, perkakasan muzik, buku dan mengadakan program pembelajaran muzik.

Persembahan akan diadakan oleh NSO Youth String Orchestra, persembahan cello secara solo oleh Jonathan Oh Ban Hin, Musicalische Strings, Persembahan violin solo oleh Erhan Shukri dan Persembahan lagu asli oleh Mohd. Yusni pemain violin solo. Ceramah pembuatan alat muzik violin akan dikendalikan oleh Encik John Ferwerda dari Australia yang dikenali sebagai Master Violin Maker.



**YAMAHA MUSIC (MALAYSIA) SDN BHD**

Sejarah Yamaha bermula 100 tahun dahulu apabila seorang pengusaha bernama Torakusu Yamaha mencipta "reed organ". Syarikat pengeluaran piano yang pertama di Jepun dan pada tahun 1904 Yamaha piano dan organ menerima anugerah "Honorary Grand Prize" di St Louis World Fair. Sekarang Yamaha dikenali dalam dunia perniagaan alat muzik, audio dan produk video hingga produk multi media, peralatan rumah, peralatan motor dan pembelajaran dalam bidang muzik.

Yamaha akan diwakili oleh Roger Wang mengendalikan ceramah "Silent Guitar". Roger Wang merupakan seorang jurutera audio anak kelahiran Sabah. Mula bermain gitar semasa berumur 8 tahun. Mendapat pengajian di Ocean Institute of Audio Engineering dan Guitar Institute Of Malaysia. Kini beliau merupakan pemain gitar akustik solo yang disegani di Malaysia.

**ORANG UTAN MUSIC COMPANY**

Orang Utan Music Company telah mula beroperasi pada tahun 2001. Syarikat ini juga menjalankan kursus dalam bidang muzik. Diterajui oleh Vincent Chin yang merupakan pelatih band sekolah dan tutor Universiti Malaysia Sabah.

Orang Utan Music Co. akan diwakili oleh OMC Jazz Band yang telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2001. Terdiri daripada empat orang anak muda yang memberi tumpuan kepada muzik jazz dan Blues. Ceramah mengenai gitar jazz akan disampaikan oleh David Patrick.



**BENTLEY MUSIC SDN BHD**

Bentley Music Sdn Bhd. ditubuhkan pada 1975 oleh Phua Sin Loke. Merupakan syarikat penjualan alat muzik dan produk sistem bunyi.

Persembahan akan diwakili oleh Kumpulan Brown Black Blues dan Bentley Music Artist Band (BAB). Kumpulan Brown Black Blues ditubuhkan pada 1969 di Petaling Jaya dibawah tajaan Harga Industries Sdn Bhd. jenis muzik yang dimainkan adalah blues, rock dan evergreen Shadows. Kumpulan ini pernah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Muzik Underground. Bagi kumpulan Bentley Music Artist Band (BAB) pula mereka akan memainkan lagu-lagu dari Kumpulan Eagles, Santana, Deep Purple dan juga Bad Company. Ceramah mengenai Gitar Fender akan dikendalikan oleh Shamril Salleh yang dikenali dengan gelaran Sham Kamikaze.



**CHAMBER MUSIC**

Chamber Music akan diwakili oleh Yee Chern Chu dalam permainan harp. Beliau mula bermain harp semasa berumur 7 tahun dan mendapat "Melbourne International Scholarship", Australia dalam pengajian harp di Universiti Melbourne. Beliau pernah memenangi Pertandingan Julliard Harp dan pada tahun 2002 mewakili Malaysia di 8th World Harp Congress di Geneva.



**THOMAS MUSIC CONSULTANTS PTE LTD**

Syarikat Penjualan Alat Muzik Gitar di Singapura dibawah penasihat Thomas Liauw. Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 1994. Thomas Liauw telah menghasilkan buku untuk persembahan gitar solo dan untuk MIF 2003 beliau akan mengadakan bengkel gitar klasik.



**SIMSHEN de CLASSIC**

Simshen de Classic ditubuhkan pada 1995 sebagai pusat kesenian untuk memartabatkan muzik klasik China. Sehingga kini Simshen de Classic mempunyai 800 orang pelajar yang mengikuti pelbagai jenis kursus dari muzik china hingga kepada muzik barat.

Simshen de Classic akan mengadakan persembahan muzik bertali yang terdiri daripada sembilan orang ahli. Antara alat yang digunakan adalah Dizi, Erhu, Yang Qin, Liu Qin, Zhong Ruan, Cello dan Alat Perkusi.



**ROTTW NETWORK SDN BHD**

ROTTW merupakan syarikat penerbitan majalah muzik di Malaysia. Mempunyai 200,000 pembaca diseluruh Malaysia, Singapura dan Brunei. Keluaran pertama majalah ROTTW adalah pada June 1996. MIF 2003 ROTTW akan terlibat dengan mengadakan pameran.

**C.K MUSIC**

C.K Music merupakan sebuah Syarikat Penjualan Alat Muzik. C.K Muzik akan diwakili oleh Mayuni Omar dalam ceramah beliau mengenai Pengenalan Alat Muzik Terkini dan Kemudahan Pengguna.

**EURO MUSIC DISTRIBUTOR SDN BHD**

Euro Music Distributor merupakan syarikat penjualan alat muzik yang telah ditubuhkan pada tahun 1995. Syarikat ini menjual alat muzik bertali iaitu violin, viola, cello dan double bass buatan negara Eropah dan China. Syarikat ini akan terlibat mengadakan pameran peralatan muzik bagi MIF 2003.

**AUDIO ELECTRIC RESEARCH**

Audio Electric Research merupakan syarikat pengeluaran akustik amplifier dari Germany. Ceramah mengenai AER Acoustic Amps akan disampaikan oleh Udo Roesner.

**EQ MUSIC PTE. LTD.**

EQ Music merupakan syarikat penjualan alat muzik dan syarikat ini akan mengadakan pameran peralatan muzik untuk MIF 2003.

**KUMAR KARTHIGESU**

Beliau mula bermain sitar pada umur 11 tahun. Pernah mengadakan persembahan dimerata dunia dan sekarang mengajar sitar di Akademi Seni Kebangsaan dan Temple Of Fine Arts Kuala Lumpur. Beliau akan mengadakan persembahan Sitar di MIF 2003 dan juga mengadakan bengkel teknik bermain sitar.

**MS SUBE & GROUP**

Ensembel Koto diketuai oleh Ms Sube. Ahli kumpulan ini terdiri daripada rakyat Jepun yang bertugas di Malaysia. Mempunyai ramai ahli dan untuk persembahan ini akan diwakili oleh empat orang pemuzik.

**DUNGAU TEGUNG & MOHD. HAFIZ ABDULLAH**

Dungau Tegung dan Mohd. Hafiz Abdullah merupakan pakar pembuatan alat muzik sape dan bertugas di Kampung Budaya Sarawak. Mereka akan mengadakan persembahan sape dan mengendalikan bengkel pembuatan sape.

**LOKE KWAI THE INSTRUMENT MAKER**

Loke Kwai merupakan seorang pembuat alat muzik erhu dan gu zheng elektrik. Beliau merupakan seorang kontraktor perumahan dan sangat kreatif dalam bidang pembuatan alat muzik dengan memukarkan ciri-ciri akustik kepada elektrik. Beliau akan mengadakan persembahan bermain erhu dan gu zheng elektrik.

**PAMERAN MIF 2003**  
Ruang Legar Balai Seni Lukis

**Aras Satu**

AKADEMI SENI KEBANGSAAN  
GIM MUSIC & INSTRUMENTS CORPORATION  
THE GUITAR STORE (M) SDN. BHD.  
AUDIO ELECTRIC RESEARCH  
ORANG UTAN MUSIC COMPANY  
SIMSHEN de CLASSIC  
LOKE KWAI THE INSTRUMENT MAKER  
ROTTW NETWORK SDN BHD

**Aras Dua**

YAMAHA MUSIC (MALAYSIA) SDN BHD  
CARISMEN DOLCE (M) SDN BHD  
BENTLEY MUSIC SDN BHD  
C.K MUSIC  
EURO MUSIC DISTRIBUTOR SDN BHD  
EQ MUSIC PTE LTD  
CHAMBER MUSIC  
THOMAS MUSIC CONSULTANTS PTE LTD

Tarikh	Masa	SHOWCASE Pentas Ruang Legar	BENGKEL & DEMONSTRASI Auditorium BSLN	The "Bunyi Gitar" Cafe
9 Ogos 2003 (SABTU)	10.00 - 11.00 pg	ENSEMBEL MUZIK TRADISIONAL Akademi Seni Kebangsaan	PENGENALAN ALAT MUZIK TERKINI DAN KEMUDAHAN PENGGUNA Mayuni Omar C.K Music	PERTANDINGAN LUKISAN GITAR KANAK-KANAK
	11.00 - 12.00 tgh	SITAR Kumar Karthigesu	PEMBUATAN SAPE Dungau Tegung & Mohd. Hafiz Abdullah	
	12.00 - 1.00 pg	ENSEMBEL KOTO Ms Sube & Group	GITAR KLASIK Thomas Liaw Thomas Music	G Man Soulyrnes
	1.00 - 2.00 pg	SAPE Dungau Tegung & Mohd. Hafiz Abdullah	TEKNIK BERMAIN SITAR Kumar Karthigesu	Roger Wang & Friends
	2.00 - 3.00 pg	HARP Chamber Music	"SILENT GUITAR" Roger Wang Yamaia Music	Pete Teo
	3.00 - 4.00 pg	DOUBLE TAKE Mia Palencia & Roger Wang The Guitar Store	PEMBUATAN GAMBUS Hassan Othman & Nik Mustapha Akademi Seni Kebangsaan	Isyan Trio
	4.00 - 5.00 pg	THETA Akademi Seni Kebangsaan	MASTER VIOLIN MAKER John Ferwida Carismen Dolce	10001 Trio
	5.00 - 6.00 pg	AMIR YUSOF The Guitar Store	GITAR BASS Joseph GIM Music Instrument Corporation	AER Workshop Rafique Rashid
	6.00 - 7.00 min			Peter Brown & Markiza & Ijoo
	8.00 - 10.00 min			Meor & Sanskritisa
10 Ogos 2003 (AHAD)	10.00 - 11.00 pg	SAPE Dungau Tegung & Mohd. Hafiz Abdullah	GITAR JAZZ David Patrick Orang Utan Music Company	PERTANDINGAN LUKISAN GITAR KANAK-KANAK
	11.00 - 12.00 tgh	ELECTRIC GU ZHENG & ERHU Loke Kwai	FENDER GUITAR Shamri Salleh Bentley Music	
	12.00 - 1.00 pg	OMC JAZZ Orang Utan Music Company	TEKNOLOGI GITAR Jeffrey Yong GIM Music Instrument Corporation	G Man Soulyrnes
	1.00 - 2.00 pg	ROGER WANG & FRIENDS The Guitar Store		
	2.00 - 3.00 pg	STRING ENSEMBLE Carismen Dolce (M) Sdn Bhd		Pete Teo
	3.00 - 4.00 pg	BENTLEY MUSIC ARTISTE BAND Bentley Music	PERTANDINGAN "BUNYI GITAR"	Isyan Quartet
	4.00 - 5.00 pg	GITAR KLASIK Stanley Chin GIM Music Instrument Corporation		10001 Trio
	5.00 - 6.00 pg	STRING ENSEMBLE Simshen'd Classic	AER ACOUSTIC AMES Udo Roemer Audio Electric Research	Alber/Sirimal
	6.00 - 7.00 min			Rafique Rashid
	8.00 - 10.00 min			Peter Brown & Markiza & Ijoo
			Meor & Sanskritisa	

Musical Instrument Festival 10 MIF 2003

Musical Instrument Festival 11 MIF 2003

**"MUSICAL INSTRUMENTS FESTIVAL 2003"**

**JAWATANKUASA PENGELOLA**

**Penasihat**

Puan Noorsiah Sabri

**Pengerusi**

Cik Norizah Arshad

**Timbalan Pengerusi**

Encik Ramlan Mohd. Imam

**Setiausaha**

Puan Raja Nor Sheela Raja Aziddin

Encik Jeffri Haron

**JAWATANKUASA KERJA**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN DAN KEWANGAN**

Pengerusi: Puan Nor Aliza Ahmad

Ahli: Puan Wan Salehah Wan Salleh

Puan Mu'azzah Malek

Encik Addly Abdul Karim

**JAWATANKUASA PUBLISITI & PEMASARAN**

**PERCETAKAN, JEMPUTAN & SAMBUTAN**

Pengerusi: Encik Mohamad Rajzuli Mat Jusoh

Ahli: Encik Fadzli Che Rus

Puan Chee Ah Moi

**JAWATANKUASA MAJLIS PERASMIAN DAN PENUTUP**

Pengerusi: Puan Raja Nor Sheela Raja Aziddin

Ahli: Encik Ridzuan Harun

Puan Norziah Majid

Puan Royah Abd. Samad

Cik Norazimah Mohd. Yusoff

Juruacara: Puan Dayang Kartini Awang Bujang

**JAWATANKUASA DOKUMENTASI**

Pengerusi: Encik Norazwana Jurami

Ahli: Encik Haji Wan Mansor

Encik Normalizwan Kamaruddin

Encik Mazlan Yahya

**JAWATANKUASA BENKEL DAN DEMONSTRASI**

Pengerusi: Encik Jeffri Haron

Ahli: Encik Rosdan Abbas

Encik Roslee Ahmad

Cik Hashinah Mohd. Yusof

Puan Rosnani Saleh

Puan Azriani Kadri

Encik Muzaffar Shah Ahmad Jaid

**JAWATANKUASA KEBAJIKAN DAN MAKAN MINUM**

Pengerusi: Encik Ahmad Hamzah

Ahli: Puan Norziah Abd Majid

Puan Normadiah Mohamed Said

Encik Mohd. Effendi Rambli

**JAWATANKUASA PENGANGKUTAN**

Pengerusi: Encik Azlim Ibrahim

Ahli: Encik Md. Rais Husin

Encik Sulaiman Mamat

Encik Ismail Mohamed Hashim

**JAWATANKUASA PAMERAN**

Pengerusi: Puan Rihanun Md. Samim

Ahli: Encik Jeffrey Yong

Puan Sri Rahayu Saad

Encik Zamri Mohamad

Encik Sabri Mahmud

Cik Nairah Ramadiah Mohd Yusoff

**JAWATANKUASA TEKNIKAL**

Pengerusi: Encik Abdul Razik Radjail

Ahli: Encik Jali Nazri Jaafar

Encik Faizul Johan

Encik Ahmad Azzudin Yusoff

Encik Saifulizam Harun

**JAWATANKUASA PERSEMBAHAN KESELURUHAN FESTIVAL**

**PENGARAH ARTISTIK**

Encik Ramlan Mohd Imam

**PENGURUS PERSEMBAHAN**

Encik Tujeri Shah

**PENYELARAS PANGGUNG**

Encik Azri Effendi

**PENYELARAS ARTISTIK**

Cik Shireen Jasin Mokhtar

**PENGARAH TEKNIKAL**

Encik Hamdan Adnan

**PENGURUS TEKNIKAL**

Encik Anas Salleh Rahbini

**PENGURUS PENTAS**

Encik Adi Syukran

**PENGURUS MULTIMEDIA**

Encik Marfizul Azuan

**PENYELARAS PROP**

Encik Mohd. Lizan Saad

**PENATA AUDIO**

Encik Zulfikri Ismail

**PEMBANTU PENATA AUDIO**

Encik Jefferson Dave Gadaun

**PENATA CAHAYA**  
Encik Mazlan Yahya

**KREW**  
Encik Muhammad Azril b. Yeop  
Encik Che Saiful Nazmi  
Encik Yap Eng Sim  
Cik Norazween Rosely  
Cik Emi Noorziana Noordin  
Cik Siti Zaidatul Razlin Mohd. Rashidi  
Encik Mohamad Farhan Mohd. Zaini  
Encik Mujibunabawi Banon  
Encik Mohd Fareed Abdul Aziz  
Encik Mohamad Firdaus Zainal  
Encik Khairul Izwan Kamaruzaman  
Encik Norizan Abd Kadir  
Encik Tengku Dinkhalish Puazlee  
Encik Shahril Nikman Mohd. Mahsuri

**AKADEMI SENI KEBANGSAAN**

**OBJEKTIF**

Menyediakan peluang dan ruang kepada pengiat seni untuk mengikuti latihan secara formal dalam bidang seni kerana melahirkan karyawan dan seniman yang mantap, berilmu dan profesional. Akademi Seni Kebangsaan merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang bertujuan menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang beribawa di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara. Pada prinsipnya Akademi Seni Kebangsaan menumpukan pendidikan seni ke arah mengeluarkan "performers" yang profesional dan berilmu. Penekanan pembelajaran diberi kepada pendidikan amali bagi memastikan pelajar mencapai kemahiran yang tinggi. Siswazah Akademi Seni Kebangsaan adalah diharapkan dapat menampung keperluan tenaga mahir dalam bidang kesenian dan kemahiran ini dapat mengisi keperluan tenaga profesional seperti anggota orkestra, pencipta, penggubah, pelakon, penulis skrip, pendidik seni serta lain-lain kerjaya yang berkaitan dengan industri seni.

**FUNGSI-FUNGSI UTAMA**

- Melahirkan golongan karyawan dan artis yang berilmu dan profesional.
- Menambah bilangan penggiat seni yang mampu menjadi pemimpin dan penggerak yang berkesan dalam usaha membangunkan industri kesenian Negara.
- Menjadi sumber rujukan dan pusat etnologi seni.
- Menjadi pusat kajian, penyelidikan dan eksperimen seni.

**SISTEM MODULAR**

Akademi Seni Kebangsaan menjalankan program pengajian Diploma secara berperingkat yang dikenali sebagai 1 + 2, iaitu tahun pertama untuk pengajian bertahap sijil dan disusuli oleh dua tahun untuk Diploma.

Program Akademik di Akademi Seni Kebangsaan dilaksanakan melalui sistem modular. Sistem modular adalah suatu konsep pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan pilihan pelajar mengikut minat, bakat dan kecenderungan mereka dengan dikawal selia oleh program pengajian. Di bawah sistem modular,

kandungan pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan oleh setiap program pengajian seni terdiri daripada beberapa modul. Setiap modul merupakan gabungan pelbagai tahap pembelajaran yang boleh diambil secara terpisah pada sesuatu masa tertentu dan disambung pada waktu yang lain bagi tujuan penyudahan. Kurikulum program-program di Akademi Seni Kebangsaan dilaksanakan secara bersepadu bagi membenarkan pelajar menyokong bidang pengkhususan dengan kursus-kursus dari program lain. Pengambilan kursus-kursus elektif di luar program utama ini akan menambah kemahiran pelajar dan membuka prospek pekerjaan yang lebih luas.

### PROGRAM MUZIK

Program Muzik mempunyai empat modul, iaitu:

#### 1. Modul Persembahan

ianya dibahagikan kepada Muzik Tradisional Melayu dan Muzik Barat (Klasik, Moden dan Jazz)

yang mempunyai aliran iaitu:

##### 1.1) Aliran Major bagi Muzik Tradisional Melayu

- i) instrumental
- ii) vokal

##### 1.2) Aliran Major bagi Muzik Klasik Barat

- i) instrumental
- ii) vokal
- iii) kibod

##### 1.3) Aliran Major bagi Muzik Moden dan Jazz

- i) instrumental
- ii) vokal
- iii) kibod
- iv) organ

#### 2. Modul Teknologi Instrumental (Aliran major pembuatan Alat Muzik)

Modul ini memberi penekanan kepada pemuliharaan dan pembuatan alat pengendangan Melayu, alat bertali, alat tiupan dan sistem talaan bunyi bagi gong bertombol.

#### 3. Modul Muzik Kreatif (Aliran Major Gubahan dan Komposisi)

Modul ini memberi penekanan kepada teknik penulisan skor, rhythm section, analisis skor dan komposisi.

#### 4. Modul Teknologi Muzik (Aliran Major Midi Sequencing)

Modul ini memberi penekanan kepada teori Sistem MIDI dan Sekuan serta notasi muzik (manual dan komputer).

Pelajar didedahkan kepada aspek praktikal dalam mengaplikasikan teori bagi meningkatkan explorasi dan kreativiti pelajar.

• semua modul ini dimantapkan dengan kursus-kursus teori, ensemble, bengkel, latihan pendengaran, sejarah teknik-teknik improvisasi dan komposisi disamping kelas individu (one to one) bagi alat muzik utama dan alat muzik kedua.

### AKTIVITI PROGRAM MUZIK

#### 20 DAN 21 DISEMBER 2003 KONSERT PELANCARAN 3E-MUSIC

3E-MUSIC berasaskan kepada Explore, Experiment & Express yang menitikberatkan kepada pembelajaran alat-alat muzik tradisional Malaysia dan muzik barat. Ianya berkonsepkan Orkestra Eksperimental, Orkestra Pop dan Big Band. Program ini terbuka kepada pelajar sekolah, Institut Pengajian Tinggi dan juga orang perseorangan. Peryertaan untuk menjadi ahli 3E-Music masih terbuka. Untuk keterangan lanjut sila hubungi talian 03-21649180 samb. 243/279.

PENGHARGAAN

"MUSICAL INSTRUMENTS FESTIVAL 2003"

- KEMENTERIAN KEWANGAN
- DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
- BALAI SENI LUKIS NEGARA
- KEMENTERIAN PENERANGAN
- GIM MUSIC & INSTRUMENTS CORPORATION
- THE GUITAR STORE (M) SDN. BHD
- C.K. MUSIC
- BENTLEY MUSIC SDN BHD
- THOMAS MUSIC
- LOKE KWAI THE INSTRUMENT MAKER
- YAMAHA MUSIC (MALAYSIA) SDN BHD
- CARISMAN DOLCE (M) SDN. BHD.
- ORANG UTAN MUSIC COMPANY
- CHAMBER MUSIC
- SIMSHEN DE CLASSIC
- EURO MUSIC DISTRIBUTOR
- EQ MUSIC PTE. LTD.
- AUDIO ELECTRIC RESEARCH
- ROTTW. NETWORK SDN. BHD
- SEMUA MEDIA MASSA TEMPATAN
- TENAGA PENGAJAR DAN PELAJAR ASK
- WARGA KERJA ASK

Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan serta galakan dari sektor awam dan persendirian juga orang perseorangan yang telah membantu memastikan kejayaan "MUSICAL INSTRUMENTS FESTIVAL 2003"

AUTOGRAF

**MAKLUMAT LANJUT:**  
Akademi Seni Kebangsaan, Tingkat 33, Empire Tower,  
50400 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur  
Tel: 03-2164 9180